

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 FEBRUARY 2015

Jangan pandang remeh perubahan iklim - PM

um - 26/2/2015

PUTRAJAYA 25 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, fenomena perubahan iklim dan pemanasan global tidak boleh dipandang remeh kerana disebabkan faktor itu, taburan hujan kini telah berubah.

Akibatnya beliau berkata, negara berhadapan musim kemarau melampau hingga mengalami krisis air di beberapa buah negeri pada awal dan pertengahan tahun lalu.

Selain itu katanya, fenomena tersebut turut menyebabkan berlakunya hujan lebat berterusan pada hujung tahun lalu hingga membawa kepada kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa akibat banjir.

"Sebagai contoh, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan telah merekodkan taburan hujan yang tinggi iaitu 1,295 milimeter bagi tempoh 21 hingga 23 Disember 2014 lalu yang bersamaan dengan taburan hujan untuk 64 hari.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN) pula mengesahkan bencana banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku ketika ini ada kaitan dengan kegiatan pembukaan tanah untuk pertanian dan pembangunan serta penerokaan tanah haram," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang mengandungi ucapannya selaku Pengerusi Mesyuarat Teknologi Hijau dan

Perubahan Iklim di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebiñ dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Menyentuh isu berkaitan, Najib berkata, Laporan Penilaian Ke-5 Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim yang diterbitkan pada tahun lalu oleh World Meteorological Organization (WMO) dan United Nations Environment Programme (UNEP) telah memberi amaran bahawa langkah-langkah mitigasi yang diambil masih belum mencukupi untuk menghadkan tahap peningkatan suhu pada dua darjah Celsius.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri berkata, pengurangan intensiti sebanyak 44 peratus menjelang tahun 2020 dan 53 peratus menjelang tahun 2030 berpotensi untuk dicapai sekiranya langkah mitigasi terhadap beberapa sektor dilaksanakan sepenuhnya.

"Sektor-sektor yang dikenal pasti itu adalah sektor tenaga, proses industri, pengurusan sisa, pertanian dan guna tanah," katanya.

Usaha tersebut kata Perdana Menteri ada dinyatakan dalam kajian Pelan Tindakan Pengurangan Karbon Intensiti di Malaysia.

Berhubung pelaksanaan teknologi hijau pula kata Najib, sektor itu mampu menjadi pemangkin ke arah pembangunan hijau yang mampan bukan sahaja dari aspek keseimbangan alam sekitar bahkan aspek sosial.

"Berdasarkan laporan United Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) jumlah pasaran dunia untuk produk hijau dan perkhidmatan mesra alam dianggarkan AS\$1.37 trilion (RM4.4 trilion) pada tahun 2008.

"Jumlah tersebut dijangka meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2020," ujarnya.

Sementara itu di Malaysia ujarnya, berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Teknologi Hijau, lima sektor utama ekonomi iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, sisa dan air telah menyumbang sebanyak RM7.9 bilion atau 0.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2013.

"Jumlah pekerjaan hijau yang telah wujud di Malaysia pada tahun 2013 pula telah dianggarkan sebanyak 61,280 dan seterusnya angka ini meningkat sebanyak 38 peratus pada tahun 2014 kepada 84,565," katanya lagi.